

20 MAR 2002

Mahathir-Kedutaan/I

PERDANA MENTERI RASMI BANGUNAN KEDUTAAN M'SIA DI BERLIN

Oleh: Abdul Muin Abdul Majid

BERLIN, 20 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Selasa merasmikan bangunan kedutaan Malaysia di ibu negara Jerman yang bersejarah ini.

Semasa bercakap di kedutaan yang bertempat di Klingelhoferstr 6, beliau menyifatkannya sebagai sumbangan kecil Malaysia kepada senibina di Berlin.

"Belum pun sampai dua tahun ibu negara Jerman berpindah dari Bonn kembali ke Berlin, tetapi Berlin nampak lebih selesa dalam peranannya sebagai ibu negara," kata Dr Mahathir yang berada dalam rangka lawatan tiga hari ke Jerman.

Dr Mahathir berkata dalam tempoh kurang dua tahun, Berlin juga telah diterima bukan sahaja oleh warga negara itu tetapi juga seluruh dunia sebagai ibu negara Jerman.

Bangunan lima aras seluas 3,750 meter persegi disiapkan pada tahun 2000 dan menampilkan antara lain, dua sayap selari, satu tempat letak kereta bawah tanah, lapan unit apartmen dan pembinaannya menggunakan kayu-kayu dan bahan-bahan dari Malaysia.

Dr Mahathir berkata apabila Jerman membuat keputusan untuk memindahkan ibu negaranya dari Bonn ke Berlin, Malaysia juga dengan segera memindahkan kedutaannya ke bandar raya ini.

Perdana Menteri berkata, terdapat juga keperluan di Malaysia untuk memindahkan beberapa daripada kedutaan asing ke pusat pentadbiran baru di Putrajaya.

Dr Mahathir berkata beliau gembira untuk berada semula di Berlin, bandar raya yang kali terakhir beliau melawatnya pada 1988 dan pada masa itu "Tembok Berlin" masih berdiri teguh.

Tembok itu katanya, menjadi peringatan yang tidak menyenangkan kerana ia bukan sahaja membahagikan Berlin kepada dua tetapi juga Jerman terpisah secara fizikal dan ideologi.

Tetapi ekor keruntuhan blok Soviet, Berlin sekali lagi bebas dan bersatu semula.

"Sekarang, melawat semula Berlin hampir 12 tahun kemudian selepas tembok itu dirobuhkan, ia begitu menggembirakan saya untuk melihat Berlin yang baru, yang sekali lagi menjadi ibu negara Jerman yang bersatu," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau telahpun melihat tanda-tanda pembaharuan dan harapan di mana-mana sahaja di Berlin daripada pembinaan bangunan-bangunan baru hinggalah yang seperti Potsdamer Platz dan pemulihan bangunan-bangunan lama yang cantik seperti Unter Den Linden.

Perdana Menteri tiba di Berlin dari Munich pada tengah hari Selasa dan pada hari terakhir lawatannya ke Jerman pada Rabu, beliau akan mengadakan pertemuan bersama Chancellor Jerman Gerhard Schroder dan juga bertemu dengan Presiden Bundestag Jerman (dewan rendah Parlimen) Wolfgang Thierse.

Dr Mahathir juga dijadualkan mengadakan perbincangan dengan para pembentuk pendapat di Yayasan Bagi Sains dan Politik iaitu sebuah kumpulan bijak pandai Jerman, dan kemudian melawat Bandar raya Sains, Teknologi dan media Adlershof.

-- BERNAMA

MAM AHH PR